



**KENYATAAN AKHBAR  
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

**SITUASI SEMASA KEJADIAN  
PENYAKIT TANGAN, KAKI DAN MULUT (HFMD) DI MALAYSIA**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan situasi semasa kejadian Penyakit Tangan, Kaki dan Mulut (HFMD). Pada 18 Ogos 2018, sebanyak 380 kes penyakit HFMD dilaporkan di seluruh negara. Jumlah ini kurang sebanyak 81 kes (17.5%) berbanding dengan hari yang sama pada minggu sebelumnya (pada 11 Ogos 2018), iaitu 461 kes.

Jumlah kes mingguan untuk tempoh 12 Ogos hingga 18 Ogos 2018 juga menunjukkan penurunan sebanyak 1,304 kes (25.4%) berbanding dengan minggu sebelumnya (5 Ogos hingga 11 Ogos 2018); iaitu sebanyak 3,826 kes berbanding 5,130 kes. Kesemua negeri menunjukkan pengurangan kes kecuali Perak, meningkat sebanyak 92 kes (28.0%).

Kumulatif kes HFMD dari 1 Januari 2018 sehingga 18 Ogos 2018 adalah 53,156 kes. Tiada kes kematian HFMD yang baru dilaporkan. Kematian disebabkan HFMD dan jangkitan EV71 kekal dua (2) kes, iaitu masing-masing satu (1) di Sarawak dan satu (1) di Pulau Pinang.

Ibu bapa dijangkakan akan membawa anak-anak bercuti sempena cuti sekolah dan cuti Hari Raya Aidil Adha. Justeru itu, ibu bapa diminta untuk memastikan kebersihan diri dan ahli keluarga khususnya anak-anak kecil sentiasa terjaga. **Elakkan dari ke tempat-tempat awam yang sesak kecuali perlu. Sekiranya mempunyai gejala HFMD, elakkan keluar rumah atau bergaul dengan orang yang sihat.**

KKM juga ingin memberi saranan kepada **pengusaha-pengusaha *indoor playground*** supaya memberi penekanan kepada empat (4) perkara utama, iaitu:

- i. Menyediakan *hand sanitiser* di pintu masuk *indoor playground* dan memastikan kanak-kanak menggunakannya sebelum masuk dan apabila keluar dari taman permainan ini;
- ii. Membuat saringan gejala HFMD di pintu masuk *indoor playground* dan membenarkan kanak-kanak yang sihat sahaja masuk;
- iii. Memastikan kebersihan *indoor playground* sentiasa dijaga; dan
- iv. Menjalankan nyah kuman (*disinfection*) peralatan mainan setiap hari.

Kawasan permainan (*indoor playground*) yang tidak bersih boleh menjadi punca penularan penyakit berjangkit termasuk HFMD. Semoga dengan langkah-langkah pencegahan yang diambil oleh semua pihak akan dapat membendung penularan jangkitan HFMD.

Sekian, terima kasih.

**DATUK DR. NOOR HISHAM ABDULLAH**  
**Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia**

21 Ogos 2018

**BILANGAN KES HFMD MENGIKUT NEGERI PADA 18 OGOS 2018**

NEGERI	PERBANDINGAN KUMULATIF KES		PERBEZAAN BILANGAN KES MINGGUAN 2018		PERBANDINGAN KUMULATIF KES		PERBEZAAN BILANGAN KES TAHUNAN 2018 vs 2017	
	5 – 11 Ogos 2018	12 – 18 Ogos 2018	Perbezaan Bilangan Kes	Peratusan Perbezaan	1 Januari sehingga 18 Ogos 2017	1 Januari sehingga 18 Ogos 2018	Perbezaan Bilangan Kes	Peratusan Perbezaan
PERLIS	37	29	-8	-21.6	160	338	178	111.3
KEDAH	286	175	-111	-38.8	740	2,061	1,321	178.5
P. PINANG	226	213	-13	-5.8	1,193	3,604	2,411	202.1
PERAK	329	421	<b>92</b>	<b>28.0</b>	1,364	4,132	2,768	202.9
SELANGOR	1,388	1,040	-348	-25.1	5,860	15,327	9,467	161.6
WPKL	459	288	-171	-37.3	1,692	5,835	4,143	244.9
N.SEMBILAN	270	153	-117	-43.3	618	2,290	1,672	270.6
MELAKA	193	153	-40	-20.7	924	2,119	1,195	129.3
JOHOR	226	162	-64	-28.3	1,806	3,090	1,284	71.1
PAHANG	133	60	-73	-54.9	359	1,034	675	188.0
TERENGGANU	80	78	-2	-2.5	206	816	610	296.1
KELANTAN	202	150	-52	-25.7	403	2,206	1,803	447.4
SABAH	383	286	-97	-25.3	1,716	3,218	1,502	87.5
SARAWAK	866	586	-280	-32.3	6,781	6,572	<b>-209</b>	<b>-3.1</b>
WP LABUAN	52	32	-20	-38.5	226	514	288	127.4
<b>JUMLAH</b>	<b>5,130</b>	<b>3,826</b>	<b>-1,304</b>	<b>-25.4</b>	<b>24,048</b>	<b>53,156</b>	<b>29,108</b>	<b>121.0</b>

Nota: (+) pertambahan kes; (-) pengurangan kes